PENDIDIKAN SENI VISUAL TINGKATAN 2

NAMA :

## Tajuk **11** Seni Foto






### Definisi dan Fungsi Kamera Pinhole dalam Fotografi

cahaya    pegun

1. Kamera *pinhole* ini berfungsi untuk merakam imej objek yang ________ sahaja. Kamera ini tidak sesuai untuk merakam imej objek bergerak.

2. Objek yang bergerak memerlukan pendedahan kepada ________ yang lama untuk menghasilkan imej yang lebih terang dan jelas. Hal ini kerana lubang yang kecil hanya membenarkan sedikit sahaja cahaya yang masuk.

LIVEWORKSHEETS

## Ciri-ciri Imej yang Terhasil daripada Kamera Pinhole






Hasil foto kamera *pinhole* silinder

| kecil | besar | cembung | Segi empat | jarak |
|---|---|---|---|---|

Kamera *pinhole* akan menghasilkan imej yang bersifat nyata, songsang dan lebih kecil daripada saiz objek sebenar. Namun, imej yang terhasil juga dipengaruhi oleh faktor-faktor berikut

Semakin ______ lubang, imej yang terhasil akan menjadi semakin terang dan jelas, manakala semakin ______ lubang, imej akan menjadi semakin kabur.

Kamera berbentuk silinder akan menghasilkan imej yang ______ seperti penggunaan lensa *fish eye*. Hal ini kerana kertas foto/filem yang melengkung mengikut bentuk silinder.

Kamera berbentuk ______ akan menghasilkan imej yang normal dan rata. Hal ini kerana kertas foto/filem berada dalam keadaan lurus dan rata.

Kedudukan ______ di antara kertas foto dengan lubang juga akan menentukan kelebaran sudut cahaya. Semakin dekat dengan lubang, sudut akan menjadi lebar sehingga cahaya yang sampai pada permukaan kertas foto akan menghasilkan gambar yang lebar.

## Sejarah Kamera Pinhole dalam Fotografi

| *pinhole* | Ibn Haytham | *obscura* |
|---|---|---|

1. Kamera *pinhole* telah dicipta oleh seorang saintis Islam yang bernama ______ (965-1040 Masihi).

2. Beliau menggunakan kamera ______ untuk membuktikan fakta bahawa cahaya bergerak dalam satu garis lurus dan penglihatan dihasilkan oleh cahaya yang bergerak ke dalam mata kita.

3. Prinsip ini menyamai prinsip kamera ______ ciptaan Gemma Frisius (1544) yang digunakan untuk merakam gerhana matahari.

LIVEWORKSHEETS